

# Graduan FIS rangkul Anugerah Pelajaran Diraja

UB 27.06.2022 P.06

Oleh Hamzah Sanudin

**KOTA KINABALU:** Graduan Fakulti Pengajian Islam (FIS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Mohamad Hilmi Mohd Zalis, 24, berjaya merangkul Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen UMS Kali ke-23, di sini semalam.

Beliau menerima anugerah berkenaan pada sidang pertama yang disampaikan oleh Canselor UMS Yang DiPertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin.

Hilmi berjaya mencatatkan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.93 dan terpilih menerima anugerah berkenaan.

“Saya terkejut dan pada masa sama sangat bersyukur apabila menerima makluman berkenaan dengan penganugerahan ini. Saya juga tidak sangka memandangkan lebih ramai graduan lain mempunyai keputusan yang lebih cemerlang,” katanya.

Beliau yang tidak pernah putus asa untuk mendapatkan anugerah dekan pada setiap semester sentiasa berdoa supaya diberikan keputusan yang cemerlang.

“Selain itu, saya juga selalu memohon keberkatan daripada ibu bapa dan sentiasa berpegang teguh dengan prinsip serta jadual pengajian yang ditetapkan.

“Dorongan dan tunjuk ajar daripada pensyarah dan rakan-rakan juga menjadi salah satu sebab mengapa saya boleh sampai sehingga ke tahap ini,” katanya.

Hilmi yang juga anak bongsu daripada lima beradik dan berasal dari Johor merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana secara pembelajaran jarak jauh.

“Sementara menunggu peluang itu, saya bekerja di syarikat abang dalam industri perkhidmatan dan bekalan peralatan rumah,” katanya yang juga pernah bertugas di



**TAHNIAH:** Hilmi bergambar bersama Ijazah dan anugerah yang diterimanya.

Politeknik Sultan Johor.

Seramai 27 graduan FIS menerima ijazah pada ma-

jlis berkenaan dan menjadi kumpulan pertama dari fakulti ini yang bergraduasi.